

10 nelayan Indonesia ditahan ceroboh perairan

PULAU PINANG 18 Julai - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang berjaya menahan 10 nelayan Indonesia kerana menceroboh kawasan perairan negara untuk menangkap ikan secara tidak sah semalam.

Kumpulan nelayan berkenaan menggunakan dua bot dan dikesan berada pada kedudukan lebih kurang 51 batu nautika dari barat daya Pulau Kendi pada pukul 8 pagi.

Pengarah Maritim Daerah Maritim 2 negeri, Laksamana Pertama Maritim Kamaruzaman Abu Hassan berkata, sekumpulan anggota Maritim Malaysia yang sedang menjalankan rondaan Op Pagar Laut di kawasan berkenaan kemudian memeriksa dua bot berkenaan.

“Setelah diperiksa, didapati dua orang tekong bersama lapan lagi awak-awak yang berumur antara 22 hingga 40 tahun berada diatas dua buah bot berkenaan.

“Kesemua mereka gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah dan mengaku berasal dari Medan dan Langkat, Indonesia,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Susulan itu, Kamaruzaman memberitahu, kedua-dua bot berkenaan ditahan bersama hasil tangkapan yang dianggarkan sebesar 150 kilogram (kg) dan dituna ke Jeti Limbungan Batu Maun untuk tindakan lanjut selain pralatan menangkap ikan turut dirampas pihaknya.

Jelanya, kes disiasat mengikut Acta Perikanan 1985, Sek-

syen 15 (1) (A) kerana melakukan kesalahan iaitu menangkap ikan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1 juta dan RM 100,000 bagi setiap awak-awak.

Dalam pada itu, Kamaruzaman menambah, sejak Op Pagar Laut yang dilancarkan pada 3 Jun lalu, pihaknya menahan enam buah bot bersama 29 orang nelayan asing yang menceroboh perairan negara dan ada antara mereka yang pernah beberapa kali ditahan atas kesalahan yang sama.

“Sejak Januari hingga kini, statistik menunjukkan 23 buah bot nelayan asing telah berjaya ditahan oleh aset Maritim Malaysia negeri,” ujarnya.